

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]
TARIKH : 19 MEI 2015
SOALAN :**

YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- (a) jumlah mangsa dan kes kematian penyakit deman denggi di Sibu dan keseluruhan Sarawak bagi tahun 2010, 2011, 2012, 2013, 2014 dan 2015; dan
- (b) usaha atau langkah-langkah drastik Kementerian untuk mengatasinya.

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah kes dan kematian denggi yang dilaporkan di Sibu dan keseluruhan Sarawak dari tahun 2010 hingga 2015 adalah seperti berikut:-

Bagi Sibu

Tahun 2010: 1,021 kes, 7 kematian

Tahun 2011: 75 kes, tiada kematian
Tahun 2012: 86 kes, tiada kematian
Tahun 2013: 156 kes, 1 kematian,
Tahun 2014: 1,252 kes, 1 kematian
Tahun 2015: 626 kes, 1 kematian (sehingga 6 Mei 2015)

Bagi negeri Sarawak

Tahun 2010: 4,240 kes, 14 kematian
Tahun 2011: 974 kes, tiada kematian
Tahun 2012: 1,519 kes, 1 kematian
Tahun 2013: 1,292 kes, 4 kematian
Tahun 2014: 2,571 kes, 6 kematian
Tahun 2015: 995 kes, 2 kematian (sehingga 6 Mei 2015)

Tuan Yang Dipertua,

Usaha dan langkah-langkah drastik yang telah dilaksanakan untuk mengatasi demam denggi adalah seperti berikut:-

1. Pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak bekerjasama dengan Majlis Kerajaan Tempatan untuk melaksanakan aktiviti kawalan dengan melakukan aktiviti Semburan Ruang Termal (SRT), Semburan Ruang *Ultra Low Violet* (SRULV) dan aktiviti Penghapusan Tempat Pembiakan (PTP) di lokaliti kes dan wabak;
2. Melakukan pencarian kes secara aktif (ACD) di lokaliti yang terlibat untuk mengesan kes yang tidak dilaporkan serta memutuskan rantaian jangkitan;

3. Melaksanakan aktiviti kawalan dan pencegahan secara bersepadu melalui penglibatan pelbagai agensi untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes seperti Ops Gempur Aedes, Ops Kilang, Ops Luluh, Ops Tapak Semaian yang dilaksanakan secara berkala;
4. Melaksanakan aktiviti pendidikan kesihatan secara berterusan melalui pelbagai kaedah termasuklah hebahan awam dan media, Kiosk Demam Denggi di Taman Rejang, agihan risalah, pendidikan kesihatan secara berkelompok dan pendidikan individu. Selain itu, mengadakan Gotong Royong di kawasan yang dilanda wabak serta penubuhan COMBI di lokaliti hotspot; dan
5. Penguatkuasaan Undang-Undang Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 khususnya semasa Ops Gempur Aedes, Ops Kilang dan semasa melakukan aktiviti kawalan di lokaliti yang dilanda wabak denggi.